

08 FEB 2003

UMNO NEGERI SERAH KEPADA PUCUK PIMPINAN TENTUKAN KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 8 Feb (Bernama) -- Umno Sabah menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti bagi menentukan bakal ketua menteri Sabah mengambil tempat Datuk Chong Kah Kiat yang tamat tempoh perkhidmatannya akhir Mac ini.

Ketua Perhubungan Umno negeri Datuk Musa Aman berkata Umno negeri akan patuhi sebarang keputusan pucuk pimpinan.

"Siapa saja yang dipilih kita akan patuhi. Kita akan akur dengan pucuk pimpinan parti (Presiden Umno dan juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya semasa ditanya mengenai calon ketua menteri daripada Umno ketika menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Persatuan Wartawan Kota Kinabalu di sini hari ini.

Mengikut sistem penggiliran ketua menteri di Sabah, pemimpin daripada Umno akan memegang jawatan itu untuk empat tahun atau dua penggal, sementara pemimpin daripada Bumiputera bukan Islam dan Cina, masing-masing akan memegang jawatan itu selama sepenggal atau dua tahun.

Mengikut sistem perkongsian kuasa itu, Chong yang akan mengakhiri tugasnya sebagai ketua menteri pada penghujung Mac ini, akan menyerahkan jawatan itu kepada pemimpin Umno.

Mengenai isu lain, Musa berkata beliau amat bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa Umno akan hancur jika para pemimpin dan anggotanya lebih mementingkan diri sendiri daripada parti.

"Kita di Sabah awal-awal lagi telah mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin dan anggota Umno jangan mementingkan diri bahawa jawatan yang diberi kepada kita bukannya satu keistimewaan, sebaliknya adalah sebagai tanggungjawab untuk kita menjalankan amanah yang diberikan," katanya

-- BERNAMA

MK RON